



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 08 (19 FEBRUARI – 25 FEBRUARI 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-08 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,145 kes berbanding 2,149 pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 4 kes (0.2%). Satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-08 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 17,388 kes berbanding 5,558 kes bagi tempoh sama tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 11,830 kes (212.8%). Manakala sebanyak 14 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding satu (1) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 13 kematian.

Sebanyak 66 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 79 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 40 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, 15 lokaliti hotspot di Sabah, lima (5) lokaliti hotspot di Pulau Pinang, empat (4) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan serta Melaka.

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak satu (1) kes dari Negeri Sembilan pada minggu ke-08. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 95 kes. Bagi surveyan zika, sebanyak 400 sampel darah dan satu (1) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Negara berada dalam musim Monsun Timur Laut (MTL) yang telah bermula pada November 2022 dan dijangkakan berakhir pada bulan Mac 2023 dengan hujan lebat yang menyeluruh terutama di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia, barat Sarawak dan utara Sabah. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat perlu berganding bahu dan bertindak proaktif dalam usaha membantu mengurangkan kejadian kes demam denggi.

Lakukan aktiviti gotong-royong bagi membersihkan persekitaran premis dari tempat pembiakan nyamuk Aedes. Jawatankuasa Penduduk, Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Board – JMB*), Rukun Tetangga atau pihak berwajib juga diminta menggerakkan komuniti untuk segera melakukan aktiviti Cari dan Musnah tempat pembiakan nyamuk Aedes sekurang-kurangnya 10 minit seminggu. Bubuh bahan pembunuhan jentik-jentik di tempat takungan air seperti kolah, dan tempat penyimpanan air. Lakukan semburan aerosol bagi membunuhan nyamuk Aedes dewasa. Lindungi komuniti kita, jangan jadi mangsa demam denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, chikungunya dan zika.**

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
1 Mac 2023